



KETUA SETIAUSAHA
(SECRETARY GENERAL)
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
(MINISTRY OF RURAL AND REGIONAL DEVELOPMENT)
ARAS 9, BLOK D9, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62606 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 3501
Fax: 03-8889 2104
<http://www.rurallink.gov.my>

Rujukan : KKLW.SM.100-4/3 (11)

Tarikh : 26/06/05

Ketua-ketua Bahagian
Ketua-ketua Unit
Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
BIL. 2 TAHUN 2005**

**PENEMPATAN PEGAWAI PTD GRED M44
DI PEJABAT KEMAS NEGERI**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa satu keputusan telah dicapai untuk menempatkan pegawai PTD Gred M44 di Pejabat KEMAS Negeri mulai 16 Julai 2005.

- Langkah ini diambil bagi melaksanakan tugas penyelarasan dan pemantauan projek KKLW berjalan lancar dan berkesan.

Laporan pelaksanaan dapat dibuat secara teratur dengan maklumat yang terkini. Sebarang gangguan yang boleh menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan projek dapat dikenal pasti lebih awal dan tindakan pembetulan akan dapat dibuat dengan segera. Tindakan ini akan dapat mengelak atau mengurangkan dari berlakunya projek terbengkalai yang akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan dan seterusnya mengikis atau menghilangkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan.

3. Jawatan-jawatan yang diguna bagi tujuan penempatan ini diambil dari pelbagai Bahagian di Kementerian. Sebanyak 14 jawatan akan terlibat dalam proses penempatan ini. Pengagihan pengambilan jawatan adalah seperti berikut:-

| BIL | BAHAGIAN | BILANGAN JAWATAN |
|---------------------------|---------------------------------------|-----------------------------|
| 1. | Prasarana, Utiliti dan Ameniti Sosial | 3 |
| 2. | Pembasmian Kemiskinan | 3 |
| 3. | Pemantauan dan Inspektorat | 1 |
| 4. | Perancangan Strategik | 2 |
| 5. | Ekonomi Desa | 2 |
| 6. | Pengurusan Sumber Manusia | 2 |
| 7. | Pentadbiran Am | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 14 |

4. Sehubungan dengan itu, satu Bahagian baru diwujudkan di Pejabat KEMAS Negeri iaitu Bahagian Penyelarasan dan Pemantauan. Carta Organisasi dan Carta Fungsi Pejabat KEMAS Negeri adalah seperti di **LAMPIRAN A DAN B**.

5. Pegawai yang ditempatkan di Pejabat ini akan bertanggungjawab kepada Pengarah KEMAS Negeri masing-masing. Sementara itu laporan yang disediakan bersama-sama maklumat yang berkaitan dengan penyelarasan dan pemantauan projek akan dihantar terus kepada Bahagian Pemantauan dan Inspektorat Kementerian. Pegawai ini juga akan menumpukan sebahagian besar tugasnya kepada penyelarasan pemantauan dan perancangan projek.

6. Semua Bahagian/ Unit setiap Agensi di Kementerian adalah diminta memberi kerjasama yang sewajarnya kepada pegawai berkenaan demi untuk memastikan semua tugas dan fungsi berjalan lancar dan matlamat Kementerian tercapai.

7. Segala kerjasama yang diberikan amat dihargai dan disanjung tinggi.


Sekian, terima kasih.



(~~DATUK~~ DR. MOHD TAP BIN SALLEH)

s.k. Y.Bhg TKSU (S)
Y.Bhg TKSU (E)
SUBK (KP)
KP KEMAS
KP JHEOA
KP RISDA
Pengarah INFRA
Ketua Eksekutif FELCRA
Pengurus Besar KEDA
Pengurus Besar PERDA
Pengurus Besar KESEDAR
Pengurus Besar KETENGAH
Pengurus Besar KEJORA

CARTA ORGANISASI
BAHAGIAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI



CARTA FUNGSI
BAHAGIAN KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) NEGERI

